


1 - 15 APRIL, 2023

PERCUMA

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# MPKK Kampung Melayu

## tekad beri khidmat terbaik kepada komuniti

**MAJLIS** Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Melayu dalam Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Air Itam baru-baru ini dinobatkan sebagai johan bagi Anugerah MPKK Terbaik Negeri Pulau Pinang Tahun 2022/2023.

Kemenangan tersebut melayakkan MPKK Kampung Melayu menerima geran bernilai RM30,000 berserta trofi daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang disampaikan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

Pengerusinya, **ABDUL AZIZ BUKHARI**, 55, menyatakan bahawa kerjasama erat dengan pelbagai pihak menjadi faktor melayakkan MPKK Kampung Melayu dinobatkan sebagai (MPKK) terbaik baru-baru ini.

Malah menurut beliau, kejayaan tersebut juga tidak mungkin dilakar tanpa adanya komitmen dan dedikasi daripada kesemua ahli jawatankuasa (AJK) MPKK Kampung Melayu itu sendiri.

“Istimewa MPKK Kampung Melayu adalah kami mempunyai lebih bilangan ahli iaitu 20 orang berbanding syarat wajib ditetapkan kerajaan seramai 15 orang. Lima ahli ini merupakan AJK tambahan yang mana mereka memberikan perkhidmatan secara sukarela.




RAKAMAN gambar kenangan bersama-sama Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada Majlis Anugerah MPKK Terbaik Negeri Pulau Pinang Tahun 2022/2023 pada 10 Februari lalu.



ABDUL Aziz Bukhari.

“Selain itu, kami juga menjalinkan kerjasama erat dan sering menerima pelbagai bantuan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Ahli Parlimen, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), agensi-agensi kerajaan serta orang perseorangan.

“Apa yang penting adalah kami mahu berikan perkhidmatan yang terbaik untuk komuniti di sini,” katanya kepada wartawan Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** dan jurugambar, **SITI NURATIKAH RAHMAT** ketika ditemui sempena wawancara khas pada 16 Februari lalu.

Tambah Abdul Aziz, bagi memastikan keberkesanan sesuatu program yang dijalankan, MPKK Kampung Melayu turut mementingkan hubungan baik dengan pelbagai pihak termasuk mereka yang berlainan pegangan politik.

“Kami mempunyai hubungan baik dengan semua parti politik. Ini bermakna sumbangan yang kami berikan adalah membabitkan semua yang memerlukan tanpa mengira latar belakang kaum, agama dan parti politik.

“Kami juga sedar bahawa keharmonian kaum amat penting, jadi setiap kali ada perayaan, kami akan diadakan majlis sambutan sama ada Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali, Krismas dan sebagainya,” ujarnya lagi.

Sebagai MPKK yang boleh dikatakan paling aktif di kawasan Air Itam, MPKK Kampung Melayu telah menjalankan pelbagai aktiviti serta program yang nyata memberi manfaat secara langsung kepada komuniti setempat.

Abdul Aziz menyatakan bahawa pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang tahun terutamanya yang melibatkan pemberian bantuan dalam bentuk barangan asas harian kepada keluarga berpendapatan rendah (B40).

“Boleh dikatakan setiap minggu kami akan adakan program untuk kepentingan komuniti setempat seperti *food bank* dan tuisyen percuma yang dikhaskan untuk keluarga B40 di kawasan Air Itam.

“Program *food bank* dianjurkan pada hari Rabu setiap minggu yang mana penduduk di sini akan datang ke Dewan MPKK untuk mendapatkan barangan keperluan asas yang mereka perlukan seperti sayur-sayuran, beras, gula dan sebagainya.

“Bukan sahaja kebajikan, kita juga amat menitikberatkan aspek kesihatan dan keselamatan peniaga terutamanya yang berniaga di pasar-pasar pagi serta pasar malam.

*(Sambungan di muka 2).*

*(Sambungan dari muka 1).*

# Selaras misi 'kampung berkebajikan'



BERSAMA ADUN Air Itam, Joseph Ng Soon Siang (berbaju hitam) ketika mengadakan salah satu aktiviti di Kampung Melayu.

"Di bawah MKPP Kampung Melayu terdapat empat buah pasar pagi, dan adalah menjadi tanggungjawab MPKK untuk memantau aspek keselamatan bagi memastikan para peniaga tidak berdepan sebarang masalah," katanya.

Selain aktiviti mingguan, MPKK Kampung Melayu turut menganjurkan program kebajikan secara bulanan berbentuk pemberian bantuan barangan keperluan kepada kira-kira 30 keluarga yang memerlukan.

"Bantuan ini biasanya kita peroleh daripada sumbangan pelbagai pihak termasuk individu, NGO, agensi kerajaan dan lain-lain selain sumbangan daripada ahli MPKK sendiri.

"Pada bulan Ramadan dan musim perayaan, bantuan akan ditingkatkan mungkin melebihi 30 keluarga mengikut keperluan yang mana semua penerima adalah daripada keluarga B40 dari kawasan Kampung Melayu.

"Program ini adalah selaras dengan misi kita untuk menjadikan Kampung Melayu sebagai kampung berkebajikan," jelasnya sambil menyatakan bahawa Kampung Melayu terdiri daripada kira-kira 8,000 penduduk.

Mengulas lanjut, Abdul Aziz memberitahu bahawa pihaknya turut aktif dalam aktiviti kesukanan yang diyakini mampu menjadi platform untuk merapatkan hubungan antara masyarakat selain menggalakkan gaya hidup sihat.

"Kami juga sering mengadakan aktiviti kesukanan seperti menganjurkan pertandingan sepak takraw, badminton, bola sepak, malah kami turut menyediakan gimnasium mini untuk membolehkan atlet gusti lengan menjalani latihan.

"Terbaharu, kami menubuhkan akademi sepak takraw untuk mencari bakat baru dalam sukan ini yang melibatkan kanak-kanak berumur antara tujuh hingga 12 tahun.

"Sasaran kami adalah pelajar sekolah rendah, oleh itu kami akan masuk ke sekolah-sekolah di kawasan Air Itam untuk mencari bakat-bakat baru bagi menyertai akademi secara percuma.

"Semua yuran dan kos bagi keperluan sukan termasuk elaun jurulatih adalah ditanggung sepenuhnya oleh pihak MPKK," ulasnya.

## Impak kepada komuniti

Abdul Aziz yang merupakan anak jati Kampung Melayu berkata bahawa pelbagai program yang dijalankan oleh pihak MPKK dilihat memberi impak positif kepada masyarakat terutama dari segi peningkatan taraf hidup dan keselamatan penduduk.

"Sebagai contoh, kawasan Kampung Melayu ini dahulunya merupakan *'hotspot'* bagi penagihan dadah.

"Namun, selepas kita kerap menjalankan pelbagai aktiviti bersama dengan pihak Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Pulau Pinang dan (pihak) polis, akhirnya kita berjaya mengurangkan masalah ini," jelasnya.

Tambah beliau, program yang dijalankan turut memberi kesan positif terhadap peningkatan pendapatan penduduk dan secara tidak langsung telah mengurangkan kadar kemiskinan dalam komuniti.

"Selain itu, kita juga melihat berlaku peningkatan positif dari segi prestasi dalam kalangan pelajar di sekolah kebangsaan dan Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) selain nilai-nilai kekeluargaan dan keharmonian dalam komuniti juga semakin baik," katanya.

## Perancangan dan harapan

Ditanya mengenai perancangan masa depan pula, Setiausaha MPKK Kampung Melayu, **YAAKOB RAMLI** berkata bahawa geran yang diperoleh daripada kemenangan tersebut akan digunakan bagi memulakan kelas komputer untuk pelajar-pelajar di kawasan terbabit.

"Semasa pandemik COVID-19, kita saksikan banyak sekolah ditutup dan para pelajar terpaksa mengikuti pembelajaran secara dalam talian.

"Susulan itu, kita dapati ramai anak-anak dalam kalangan keluarga B40 tidak dapat mengikuti pembelajaran dengan sempurna kerana kekurangan



YAAKOB Ramli.

sumber kewangan untuk membeli telefon pintar dan peranti yang diperlukan.

"Ada juga pelajar yang mempunyai telefon pintar tetapi tidak mempunyai akses kepada internet.

"Jadi kita merasakan bahawa kawasan ini (Kampung Melayu) memerlukan kedua-dua kemudahan ini kerana sekiranya berlaku keadaan sama pada masa akan datang, kita sudah ada kelengkapan untuk anak-anak ini belajar secara dalam talian," ujarnya.

Selain pelajar, Yaakob menyatakan bahawa pihaknya juga akan membuka kelas komputer kepada warga emas sebagai salah satu usaha untuk memberikan pendedahan penggunaan komputer serta internet kepada golongan itu.

Kata beliau, pihak MPKK Kampung Melayu juga sedang memohon untuk mewujudkan sebuah gelanggang futsal di kawasan tersebut demi memenuhi keperluan komuniti di bawah projek satu KADUN, satu gelanggang futsal.

Menyentuh mengenai harapan, Yaakob berharap agar komuniti di kawasan Kampung Melayu dapat terus memberikan kerjasama kepada pihak MPKK bagi memastikan pelbagai aktiviti yang dijalankan menjadi lancar dan teratur.

"Ini kerana tidak ada gunanya kami menjalankan pelbagai aktiviti sekiranya tidak mendapat sambutan daripada komuniti setempat.

"Di kesempatan ini, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada ADUN Air Itam, YB Joseph Ng Soon Siang dan Ahli Parlimen Bukit Gelugor kerana sentiasa memberikan sokongan padu kepada kami.

"Tanpa sokongan daripada YB terutamanya bantuan serta kewangan, sukar untuk kami menjalankan aktiviti seperti hari ini.

"Tidak lupa juga kepada ahli majlis, penghulu Kampung Melayu, badan-badan kebajikan, NGO dan agensi-agensi kerajaan yang terlibat kerana banyak membantu kami.

"Diharapkan hubungan baik ini akan terus terjalin demi memastikan keamanan serta keharmonian komuniti di Kampung Melayu terus terpelihara," katanya mengakhiri bicara.

Difahamkan, selain dinobatkan MPKK terbaik peringkat negeri, MPKK Kampung Melayu sebelum ini pernah meraih beberapa kejayaan lain seperti MPKK Terbaik Air Itam 2019; naib johan MPKK Terbaik Peringkat Negeri Pulau Pinang 2019/2022; johan MPKK Peringkat Daerah Timur Laut Tahun 2020 dan 2022 serta juara Komuniti Zon Hijau COVID-19 MPKK Peringkat Negeri Pulau Pinang 2021.



DEWAN MPKK Kampung Melayu yang merupakan tempat untuk menjalankan pelbagai program komuniti.

# Tabika Perpaduan Taman Mewah demi keluarga perlu

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**BAGAN DALAM -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang memperuntukkan RM60,000 bagi menubuhkan Tabika Perpaduan Taman Mewah untuk membantu mengurangkan beban kewangan keluarga berpendapatan rendah dalam menyediakan pendidikan awal kepada anak masing-masing.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa Kerajaan Negeri sedar betapa pentingnya menyediakan pendidikan awal yang baik dan berkualiti kepada kanak-kanak sebagai asas kepada pembangunan insan yang mampu melahirkan generasi pelapis berminda kelas pertama.

"Malah, Kerajaan Negeri juga amat prihatin bahawa kejayaan masa depan kanak-kanak adalah bergantung kepada persediaan yang diterima oleh mereka semasa kecil.

"Namun begitu, kos pendidikan prasekolah telah menjadi bebanan kepada ramai ibu bapa terutamanya yang berpendapatan rendah kerana yuran tadika swasta kini agak mahal dan tidak semua ibu bapa mampu menghantar anak-anak mereka ke tadika swasta.

"Oleh itu, saya berharap agar semua Jabatan Persekutuan dan Negeri terus berganding bahu untuk berusaha menubuhkan lebih banyak institusi prasekolah di negeri ini yang menawarkan yuran secara percuma," katanya semasa berucap pada Majlis Perasmian Tabika Perpaduan Taman Mewah di sini 18 Februari lalu.



**KETUA Menteri bersama-sama M. Satees (dua dari kiri) dan wakil-wakil berkaitan meramahi para pelajar di Tabika Perpaduan Taman Mewah bersempena lawatan khas dekat sini baru-baru ini.**

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, M. Satees; Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Pulau Pinang, Rohai Zahar Nedi; Setiausaha Bandaraya bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Ir. Baderul Amin Abdul Hamid; Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Heng Choon Tian, Alfred Jonathan serta wakil-wakil berkaitan.

Pada masa sama, Kon Yeow menzahirkan penghargaan kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) kerana membenarkan premis milik mereka digunakan sebagai Tabika Perpaduan demi manfaat komuniti di kawasan terbabit.

"Bangunan di mana Tabika Perpaduan ini sedang beroperasi sejak tahun lepas merupakan bekas tapak surau milik MAINPP yang terbengkalai.

"Justeru, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak MAINPP kerana membenarkan bangunan ini digunakan untuk manfaat anak-anak kecil kita di kawasan Taman Mewah.

"Dalam pada itu, saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara (SPU) yang telah melaksanakan semua kerja-kerja pengubahsuaian berasaskan spesifikasi Pejabat Perpaduan Daerah SPU.

"Tidak lupa juga kepada MPKK Heng Choon Thian yang membantu memantau operasi tabika perpaduan ini, tahniah kepada semua!" ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota dan Ahli Parlimen Batu Kawan.

Difahamkan, selain Kerajaan Negeri, penubuhan Tabika Perpaduan Taman Mewah adalah hasil usaha bersama oleh pelbagai pihak khususnya Pejabat ADUN Bagan Dalam, Pejabat Perpaduan Daerah SPU, Pejabat Daerah dan Tanah SPU serta MPKK Heng Choon Thian sejak tiga tahun lalu.

Malah, Pejabat Perpaduan Daerah SPU juga telah menyediakan tenaga pengajar serta menguruskan operasi tabika tersebut.

Dalam pada itu, Satees menyatakan bahawa Tabika Perpaduan Taman Mewah merupakan tadika kedua di Bagan Dalam selepas Taman Bagan dan yang pertama diusahakan oleh pusat khidmat beliau sendiri.

"Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Ketua Menteri kerana telah meluluskan dana daripada pejabatnya (Pejabat Ketua Menteri) untuk menjayakan penubuhan tadika ini.

"Tadika Perpaduan amat penting kerana mampu memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat di negeri ini selain dapat mengurangkan beban rakyat kurang berkemampuan memandangkan ia adalah secara percuma," katanya.

## Badan koperasi terima geran khas

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri memperuntukkan geran berjumlah RM300,000 kepada badan-badan koperasi di negeri ini sebagai galakan bagi merangsang semula ekonomi ekoran kesan pandemik COVID-19 yang masih terasa.

Menurut Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman, geran tersebut menumpukan kepada koperasi-koperasi kecil berikutan impak yang lebih ketara.

"Jadi dengan sumbangan ini, ia sedikit sebanyak diharapkan pergerakan koperasi kecil ini dapat memainkan peranan meningkatkan kembali urusan perniagaan melalui koperasi.

"Apabila koperasi-koperasi ini hidup, maka limpahan ekonomi akan lebih menyeluruh dan membantu sektor-sektor lain kerana apabila transaksi perniagaan berlaku, ia akan lebih melibatkan banyak pihak," ujarnya pada Program Pemantapan Gerakan Koperasi Negeri Pulau Pinang di sini 13 Februari lalu.

Hadir sama, Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Pulau Pinang, Norlelah Samsudin.

Dalam pada itu, Ahmad Zakiyuddin menyatakan bahawa Kerajaan Negeri juga menyarankan koperasi untuk beralih dari pasaran domestik kepada pasaran global dan memanfaatkan gerakan koperasi dalam pembangunan usahawan.

"Langkah ini penting untuk meningkatkan daya saing serta ekosistem perniagaan, sekali gus meningkatkan sumbangan gerakan koperasi kepada ekonomi.

"Malah, Kerajaan Negeri juga tidak ketinggalan memainkan peranan dalam memastikan rakyat mengecapi nikmat kemakmuran menerusi koperasi, kerana yakin bahawa ia adalah satu pendekatan yang efektif bagi merangsang pembangunan keusahawanan dalam kalangan masyarakat.




**IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (tengah) menyampaikan geran berbentuk cek replika kepada salah seorang penerima pada Program Pemantapan Gerakan Koperasi Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

"Kita mahu menggalakkan penyertaan koperasi pada peringkat sekolah agar memberi rangsangan terutamanya kepada pelajar untuk terus menyertai koperasi pada masa hadapan," katanya lagi yang juga Exco Hal Ehwal Agama, Koperasi dan Pemerkasaan Komuniti.

Difahamkan transaksi koperasi di Pulau Pinang telah meningkat kepada RM283 juta tahun lalu berbanding RM261 juta tahun sebelumnya.



# 'Balik Kampung at bangkit keterujaan

**B**ERSAKSIKAN pemandangan bukit-bukau dan matahari terbenam yang memukau, pengunjung pastinya akan membawa pulang banyak kenangan manis sejurus menjejakkan kaki ke Balik Pulau.

Menjalankan konsep perniagaan lain daripada yang lain, **WOON ENG HUAT** dan isterinya, **GERALDINE CHIN YU LIN** sempat berkongsi perjalanan mereka membuka 'Balik Kampung at Balik Pulau'.

Ditanya mengenai konsep menarik yang diketengahkan mereka ketika wawancara khas bersama-sama Buletin Mutiara baru-baru ini, Eng Huat menyatakan bahawa inspirasi mewujudkan perniagaan tersebut adalah datang daripada anak-anaknya sendiri.

"Idea untuk menjalankan perniagaan ini tercetus apabila melihat keterujaan ketiga-tiga anak lelaki kami semasa bermain permainan tradisional suatu masa dahulu di sini.

"Konsep permainan tradisional sememangnya membangkitkan keterujaan kanak-kanak terutamanya generasi saya suatu ketika dahulu kerana kami hanya bermain permainan kampung memandangkan saya adalah anak jati kampung ini.

"Bukan itu sahaja, ditambah pula dengan keindahan alam semula jadi di Balik Pulau telah menambahkan lagi suasana asli di perkampungan ini," ujarnya kepada wartawan, **NURASHIKIN ISMAIL** dan jurugambar, **SITI NURATIKAH RAHMAT**.

Eng Huat berkata, terdapat pelbagai aktiviti telah dijalankan sebelum ini, tetapi lebih banyak lagi aktiviti baharu telah diperkenalkan sesuai dengan peredaran masa kini untuk dinikmati oleh pengunjung.

"Sebelum pandemik COVID-19, aktiviti seperti menaiki bot, memancing turut menjadi salah satu tumpuan pengunjung kerana mereka ingin merasai sendiri pengalaman menaiki perahu.

"Selain itu, saya turut mempunyai sebuah bas sekolah yang telah ditambah baik dan digunakan untuk membawa para pengunjung bersiar-siar melihat padi menguning serta berpeluang melakukan aktiviti menangkap ketam.



**WOON Eng Huat dan isterinya, Geraldine Chin Yu Lin.**

"Menariknya, antara pengalaman yang paling memberi kesan kepada pengunjung adalah ketika melihat kelip-kelip semasa menaiki perahu dan menyaksikan matahari terbenam di Pantai Malindo," katanya menceritakan keistimewaan tempat tersebut.

Susulan keadaan pandemik yang semakin reda kini, Eng Huat menyatakan bahawa mereka telah memulakan pula perniagaan menyewa basikal dan kereta bugi.

"Pengunjung boleh memilih sama ada ingin menerokai kawasan ini sendiri atau menggunakan pemandu arah yang kami sediakan, peta juga akan diberikan jika mereka lebih gemar terokai sendiri.

"Perjalanan mengayuh basikal juga disediakan iaitu sejauh 7 kilometer (km) dan memakan masa selama dua jam sahaja.

"Jika pengunjung ingin bersiar-siar ke kawasan lain juga tiada masalah tetapi bergantung kepada tahap kecergasan masing-masing.

"Setiap hentian yang telah ditandakan di dalam peta merupakan kawasan yang menarik untuk pengunjung bergambar kerana mereka seolah-olah berada di luar negara.

"Kawasan yang dimaksudkan adalah meliputi sawah padi, pantai dan hutan paya bakau," tambahnya lagi.

Dalam pada itu, pengunjung juga boleh mengikuti waktu operasi yang disediakan serta berpeluang mencuba aktiviti yang terdapat di lokasi terbabit.

"Bagi pengunjung yang ingin menyewa basikal, mereka memerlukan seramai 10 orang manakala bagi golongan berumur atau kanak-kanak, mereka boleh bersiar-siar menaiki kereta bugi.





**PEMANDANGAN pada kala aktiviti berbasikal yang turut disediakan.**



PEMANDANGAN sawah padi yang memukau.

# BALIK PULAU' zaman kanak-kanak

'Balik Kampung at Balik Pulau' dibuka seawal jam 7.30 pagi sehingga 5.30 petang setiap hari dan hanya ditutup sewaktu cuti umum dan sambutan Tahun Baru Cina.

"Bukan itu sahaja, jika pengunjung ingin menikmati makanan seperti laksa, ikan masak stim, udang galah dan banyak lagi, mereka boleh kunjungi premis makanan yang ada di situ juga," jelasnya sambil menyatakan bahawa pihaknya turut menerima tempahan untuk aktiviti sekolah serta pengukuhan pasukan dari pelbagai syarikat.

Dalam pada itu, Yu Lin menyatakan bahawa walaupun telah beroperasi selama 25 tahun, 'Balik Kampung at Balik Pulau' tetap dikunjungi terutamanya oleh pelanggan tetap.

"Keunikan Balik Kampung at Balik Pulau bukan sahaja menarik minat pengunjung sekitar Pulau Pinang, malahan dari luar negara juga.

"Kata mereka (pengunjung) yang sering ke sini, tidak wujud istilah bosan menerokai kawasan di sini apabila dapat melihat pemandangan yang berbeza mengikut musim," katanya sambil menyatakan bahawa pengunjung lebih ramai pada musim cuti persekolahan.

Pada sesi yang sama, Yu Lin turut berkongsi pengalaman penat lelah mereka semasa bersama-sama membangunkan perniagaan tersebut

"Perniagaan ini sememangnya bermula dari bawah yang mana premis ini dulunya bukan seperti ini, jadi suami saya telah bertungkus-lumus menaik taraf untuk keselesaan pengunjung.

"Nilai keuntungan yang diperoleh sebenarnya tidak boleh menandingi nilai memori manis yang dinikmati oleh pengunjung ketika menerokai kawasan ini.

"Sebab itulah keuntungan daripada perniagaan ini kami gunakan sepenuhnya untuk meningkatkan mutu perkhidmatan dan keselesaan di premis ini.

"Buktinya, pengunjung dapat melihat sendiri pelbagai tanaman yang kami diusahakan, permainan gelongsor untuk kanak-kanak serta lain-lain lagi.

"Keadaan sekarang sangat berbeza daripada sebelum ini yang mana pengunjung hanya dapat menikmati keindahan paya bakau sahaja," cerita Yu Lin dengan rasa bangga terhadap hasil kerja tangan oleh suaminya.

Mengakhiri sesi wawancara, Eng Huat dan Yu Lin memberitahu bahawa buat masa ini mereka tidak mempunyai sebarang perancangan untuk mengembangkan perniagaan tersebut.

"Kami tidak mempunyai sebarang rancangan lagi dan hanya ingin pengunjung bersantai dan menikmati alam semula jadi di 'Balik Kampung at Balik Pulau' ini.

"Oleh itu, jika berminat untuk membuat tempahan boleh menghubungi kami di 013-323 777 dan berpeluang merasai suanana di kampung sendiri," ulasnya lanjut.



PEMANDANGAN matahari terbenam berserta terusan sungai yang indah.



RAKAMAN gambar kenangan penulis dan rakan-rakan.




GELONGSOR gergasi yang menjadi tarikan golongan kanak-kanak.

SINARAN RESIDENCES

# HIDUP PENUH BERGAYA!

Miliki kediaman idaman di Utropolis Batu Kawan.

**DISKAUN 5% UNTUK BUMIPUTERA**






- Separa lengkap dengan perabot serta aplikasi rumah pintar.
- Gaya hidup mewah dengan 50 jenis kemudahan rekreasi ala moden.
- Berdekatan dengan Kawasan Perindustrian Batu Kawan, IKEA dan Design Village Outlet Mall.

**Unit terhad. Unit pameran dibuka untuk kunjungan!**

Hubungi kami atau kunjungi Galeri Paramount Property @ Utropolis Batu Kawan hari ini.

ParamountPropertyMalaysia paramountpropertymy Paramount Property Malaysia

**Paramount Property (PW) Sdn Bhd** (1057143-D)
G-01, Utropolis Utama, Persiaran Cassia Barat 3, 14110 Bandar Cassia, Pulau Pinang, Malaysia.

**012 501 0733**
**paramountproperty.my**

Jenis Pegangan: Pajakan 99 tahun (tempoh berakhir: 14/11/2115) • No. Lesen Pemaju: 14638/02-2028/0141(R) • Tempoh Sah: 08/02/2023 – 07/02/2028 • Permit Iklan & Jualan: 14638-3/11-2023/0614(R)-(S) • Tempoh Sah: 30/11/2022 –29/11/2023 • Pihak Berkuasa Yang Meluluskan: Majlis Bandaraya Seberang Perai • No. Rujukan Pelan Bangunan: MBSP/40/20-73/76(CP)(14) • Bebanan Tanah: Gadaian (CIMB Islamic Bank Berhad)• Tarikh Dijangka Siap: Jun 2024 • Sekatan Kepentingan: Tanah yang diberimilik ini tidak boleh dipindahmilik, cagar, pajak atau pajakan kecil, tenansi disewakan atau dengan apa-apa urusan sekali pun diuruskan tanpa kebenaran bertulis dari Pihak Berkuasa Negeri. • Jenis Hartanah: Pangsapuri Servis • Jumlah Unit: 964 • Jenis A, Jumlah Unit: 58, Luas Binaan: 667 kps, Harga Minima: RM500,250, Harga Maksima: RM538,200 • Jenis A1, Jumlah Unit: 60, Luas Binaan: 678 kps, Harga Minima : RM508,300, Harga Maksima : RM545,100 • Jenis B1, Jumlah Unit: 363, Luas Binaan: 883 kps, Harga Minima: RM549,700, Harga Maksima: RM621,000 • Jenis B2, Jumlah Unit: 192, Luas Binaan: 883 kps, Harga Minima: RM568,100, Harga Maksima: RM610,650 • Jenis C, Jumlah Unit: 141, Luas Binaan: 1,044 kps, Harga Minima: RM661,250, Harga Maksima: RM753,250 • Jenis C1, Jumlah Unit: 144, Luas Binaan: 1,044 kps, Harga Minima: RM681,950, Harga Maksima: RM768,200 • Jenis D, Jumlah Unit: 6, Luas Binaan: 1,518 kps, Harga Minima: RM798,100, Harga Maksima: RM809,600 • Diskaun Untuk Bumiputera: 5% • IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

PARAMOUNT UTROPOLIS BATU KAWAN, PENANG

PARAMOUNT PROPERTY
The People's Developer™

# FAP tumpu pembangunan bakat baharu


SEKALIAN perwakilan merakamkan gambar kenang-kenangan bersama-sama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow seusai Mesyuarat Agung Tahunan FAP 2022 di sini.

PERSATUAN Bola Sepak Pulau Pinang (FAP) ditubuhkan pada tahun 1921, iaitu semasa negara dan negeri ini masih berada dalam era kolonial Inggeris.

Simbol mahkota permaisuri United Kingdom yang terdapat pada logo FAP sudah cukup memberi isyarat betapa lamanya pertubuhan sukan itu wujud dengan peranan hakiki iaitu mengendalikan hal ehwal sukan bola sepak di negeri Pulau Pinang.

Dengan usia seabad lamanya, padanlah Kerajaan Negeri Pulau Pinang baru-baru ini menyampaikan Anugerah Warisan 100 Tahun kepada FAP sebagai pengiktirafan buat persatuan sukan tersebut.

Susulan itu, wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **AHMAD ADIL MUHAMAD** berpeluang menemu bual dua tonggak utama di sebalik perjalanan jawatankuasa FAP yang baru tersebut di Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang.

Kedua-kedua individu yang dimaksudkan ialah Presiden FAP, **MOHD. AZIZUDIN MOHD. SHARIFF** dan Naib Presidennya merangkap Setiausaha Kehormat, **L. KATHERISAN**.

Menurut Mohd. Azizudin, sebelum penubuhan Kelab Bola Sepak Pulau Pinang atau Penang FC kira-kira dua tahun lepas, FAP bertanggungjawab dalam menguruskan hampir semua hal ehwal sukan bola sepak termasuk penyertaan Skuad Harimau Kumbang dalam liga-liga utama peringkat kebangsaan.


MOHD. Azizudin Mohd. Shariff.

Pada tahun 2021, proses penubuhan Penang FC menjadi kelab bola sepak dibuat adalah demi memenuhi syarat Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) serta Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM).

"Dalam sejarah bola sepak negeri Pulau Pinang, kita dah buat 'penswastaan' (pengurusan sukan) ini sebanyak tiga kali…tetapi masih tak boleh mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh.

"Secara teori, industri bola sepak negeri ini sepatutnya boleh menjana pendapatan, tetapi apabila (FAP hatta Penang FC) masuk sendiri dalam dunia sebenar, tidak boleh (menjana pendapatan seperti diteorikan).


L. Katherisan

Beliau berpendapat, persatuan-persatuan bola sepak negeri mula mendepani isu kewangan secara ketara apabila ada larangan menerima tajaan daripada syarikat-syarikat pengeluar rokok.

"Apabila ada kelab bola sepak dari negeri tertentu mula mendominasi pasaran bakat, ada kemampuan kewangan yang besar untuk membentuk kesebelasan pasukan yang kuat termasuk dengan pemain import, ia menambahkan lagi cabaran kepada persatuan-persatuan bola sepak lain (dalam saingan satu-satu liga peringkat kebangsaan)," ujarnya.

Menurut Mohd. Azizudin, mengambil kira mengenai FAP yang mempunyai peranan yang sedikit berbeza dengan Penang FC, beliau menyatakan bahawa jawatankuasanya berusaha menghidupkan semula liga tempatan Bawah 8 Tahun, Bawah 10 Tahun, Bawah 12 Tahun dan Bawah 16 Tahun pada tahun ini.

*(Sambungan di muka 16).*

Oleh: **AZMI HUSSIN**



# YMSC bantu Kerajaan Negeri cakna

**PENGLIBATAN** dalam aktiviti berpersatuan bukan sahaja memberikan pendedahan kepada seseorang individu cara untuk berurusan dengan orang ramai, bahkan menjadikan kita lebih peka akan kepentingan bersama yang boleh dimanfaatkan demi kebajikan semua pihak.

Presiden Young Muslim Sports Club (YMSC), **MUNOWER SADIQ** atau lebih mesra disapa sebagai Haji Munower berkata, setelah lebih 20 tahun menerajui YMSC, beliau percaya bahawa aktiviti berpersatuan juga mampu membentuk jati diri dan asas kepimpinan dalam jiwa seseorang.

"Saya mula diberi tanggungjawab sebagai presiden ini pada tahun 2002 yang mana merupakan presiden ketiga selepas tertubuhnya YMSC pada tahun 1978.

"(Dan) sebagai persatuan yang menekankan aspek belia dan sukan, maka YMSC amat aktif," ujarnya membuka bicara ketika ditemui wartawan Buletin Mutiara, **AINUL WARDAH SOHILLI** bersama-sama jurugambar, **ALISSALA THIAN** di premis perniagaannya dekat Batu Ferringhi pada 15 Februari lalu.

## Latar belakang dan legasi

Berasal dari Teluk Bahang, Haji Munower merupakan anak jati Pulau Pinang yang sejati. Pada usia 59 tahun, bapa kepada empat cahaya mata tersebut bersyukur kerana perjalanan hidupnya banyak memberikannya pengajaran dan pengalaman berharga.

Berpegang kepada falsafah 'genggam bara api biar sampai jadi arang', Haji Munower yakin bahawa apabila kita melakukan sesuatu pekerjaan itu dengan ikhlas, kita perlu melakukannya sehingga berjaya atau mencapai matlamatnya.

"Itulah yang saya pegang sejak dahulu, apabila kita melakukan kerja, kita kena buat sehingga selesai dan bersungguh-sungguh…begitu juga dalam berpersatuan.

"Dahulu, ketika muda…golongan belia ni tak ada aktiviti selepas waktu sekolah atau kerja, jadi saya bersama-sama beberapa rakan yang juga merupakan peneraju pertama cadang untuk tubuhkan persatuan, tambah ketika itu, kes-kes sosial pun meningkat.



**HAJI Munower Sadiq.**

"Jadi alhamdulillah setelah lebih 20 tahun menerajui YMSC ini, insyaAllah akan ada pimpinan baharu, pelapis dalam kalangan anak muda pada 2025 nanti.

"Buat masa ini, para pelapis ini diberikan pendedahan seluas-luasnya untuk mengatur dan menguruskan beberapa perkara di bawah biro-biro yang ada mengikut potensi masing-masing.

"(Dan) pastinya saya mahu meninggalkan legasi (dalam aktiviti berpersatuan bersama-sama YMSC) supaya segala matlamat yang kita sasarkan berjaya dicapai," katanya yang mahu melihat golongan belia hari ini bukan sahaja aktif berpersatuan malahan berpengetahuan.

Menurut beliau, YMSC mempunyai empat biro teras iaitu Biro Sukan, Biro Agama, Biro Sosial dan Biro Pendidikan. Malah, Wisma YMSC yang terletak di Lebuh King juga tidak pernah sunyi dengan bermacam-macam aktiviti.

"Kita (YMSC) aturkan aktiviti sama ada secara harian, mingguan, bulanan dan tahunan misalnya kelas fardu ain yang diadakan antara waktu Asar hingga Maghrib untuk kanak-kanak, manakala untuk dewasa antara Maghrib sehingga Isyak secara harian.

"Kemudian, setiap hujung minggu kita akan adakan aktiviti sukan seperti badminton dan karate selain mengadakan kelas zikir pada hari Isnin, kuliah *'online'* (setiap Selasa) dan ceramah bulanan.

"Bagi aktiviti tahunan pula, kita adakan majlis berbuka puasa, sumbangan kepada asnaf dan golongan memerlukan dalam kalangan B40 dan juga solat tarawih.

"(Dan) kesemua aktiviti yang dirancang ini adalah berteraskan 'serampang dua mata', maknanya kita mahu lebih ramai mengenali YMSC dan tahu matlamat kami dalam berpersatuan untuk membantu mereka yang memerlukan," katanya yang berhasrat agar golongan pelapis dapat mewarisi legasi yang ditinggalkan terutama dalam amal kebajikan.



Tidak terhenti di situ, YMSC pernah melakar sejarah pada 2003 dengan melukis mural Jalur Gemilang terpanjang di Malaysia berukuran 541 meter sepanjang Jalan Tanjung Bungah berhadapan dengan Kelab Renang Pulau Pinang. Mural berketinggian 3.3 meter itu juga masih mengekalkan rekod sebagai "Lukisan Mural Jalur Gemilang Terpanjang Di Malaysia" dalam *The Malaysia Book of Records* (MBOR) sehingga kini.

## Puji perubahan dibawa pimpinan Pakatan Harapan

Menyifatkan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow sebagai seorang yang penyayang, tidak menonjolkan diri dan tidak banyak kerenah, Haji Munower berkongsi pengalaman berurusan dengan mantan Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir itu kira-kira 10 tahun lalu.

"Ada seorang ibu tunggal yang ingin memohon rumah tetapi menghadapi kesulitan dalam permohonannya dan datang berjumpa YMSC.

"Waktu itu, Tuan Chow (Kon Yeow) merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota dan saya bersama rakan dalam YMSC mengajak ibu tunggal tersebut untuk berjumpa sendiri dengan beliau.

"Walaupun pada mulanya ada keraguan kerana macam-macam desas-desus (tentang pentadbiran Pakatan Harapan dan parti yang diwakili), tapi saya kata kita perlu cuba juga.

"MasyaAllah, baiknya manusia bernama Chow Kon Yeow ni, beliau bersetuju untuk jumpa usai mesyuarat di Dewan Undangan Negeri dan terus memberi pengesahan tanpa menyoal latar belakang politik ataupun fahaman.

"Saya terkesima dan terus bertanya kepada beliau kenapa tidak menyoal dahulu latar belakang pemohon ini, dan dia membalas (bahawa) dia dipilih sebagai ADUN bagi kawasan Padang Kota, adalah menjadi tanggungjawab untuk membantu penduduk di kawasannya selagi boleh tanpa mengenal bangsa, agama atau latar belakang.

"Saya kagum dengan karakter beliau, betullah kata-kata *'don't judge a book by its cover'*, 'tak kenal maka tak cinta'," ceritanya sambil memuji corak pentadbiran baharu yang dibawa oleh pimpinan Pakatan Harapan sehingga kini.

Tambah beliau, Kerajaan Negeri yang ada hari ini juga cakna akan kebajikan rakyat dan bertindak mengutamakan rakyat terutama pemilik premis rumah ibadat atau pusat aktiviti berkebajikan dengan memberikan pengecualian cukai taksiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) ke atas jenis hartanah tersebut.

# golongan perlu pemilik rumah ibadat berkebajikan



MERAKAM gambar kenangan bersama-sama Ketua Menteri pada majlis perasmian Wisma YMSC yang berwajah baharu pada 10 Februari 2023.




WISMA YMSC yang terletak di Lebuh King.

"Kami (YMSC) juga diberikan pengecualian cukai taksiran MBPP bukan sahaja masjid, rumah ibadat tetapi kategori madrasah juga diberikan pengecualian, alhamdulillah…itupun masih ada lagi yang label Kerajaan (Negeri) hari ini macam-macam," katanya yang yakin bahawa pimpinan sedia ada adalah yang terbaik.

Berkongsi lanjut, Haji Munower memberitahu bahawa pada bulan Ramadan tahun lalu, Kon Yeow juga sedia membantu YMSC dengan memberi peruntukan untuk membaik pulih Wisma YMSC setelah melihat keadaan wisma berkenaan pada majlis berbuka puasa.

"Alhamdulillah, sejumlah RM100,000 peruntukan diluluskan dengan tambahan RM20,000 untuk kerja-kerja pembaikan terutamanya masalah kebocoran bumbung dan siling.

"Peruntukan tersebut diluluskan setelah kami (YMSC) berjaya mematuhi syarat-syarat daripada pihak berkuasa tempatan dan juga garis panduan warisan yang ditetapkan," ulasnya lanjut.

## Mengalukan sumbangan umum

Terletak di Lebuh King, Wisma YMSC yang berwajah baharu telah dirasmikan oleh Kon Yeow pada 10 Februari 2023.

Difahamkan, kerja pengubahsuaian turut melibatkan pengorekan parit baharu, pendawaian semula, pemasangan permaidani baharu, pembinaan tandas dan lain-lain kerja berkaitan.



MADRASAH Tamil Muslim Teluk Bahang yang kini dalam proses penambahbaikan.

Walau bagaimanapun, menurut Haji Munower, pihak YMSC masih memerlukan RM40,000 bagi membiayai kerja-kerja akhir pengubahsuaian dan landskap di wisma tersebut.

"Saya mengalu-alukan orang ramai yang ingin menyumbang boleh salurkan terus kepada kami, hasil sumbangan ini adalah bagi membiayai kos kerja pengubahsuaian yang masih berbaki.

"(Hal ini demikian kerana), terdapat peningkatan ketara bagi harga bahan mentah binaan yang mana sebelum ini, ikut perancangan awal adalah sekitar RM100,000 ke RM120,000 sahaja.

"Tetapi kos akhir mencecah sehingga RM160,000 maka masih ada baki (yang perlu dilangsaikan)," katanya yang juga merupakan pengurup wang berlesen sepenuh masa.

Orang ramai yang ingin menghulurkan sumbangan boleh disalurkan ke akaun Bank Islam 07025010014204 atas nama *Young Muslim Sports Club* (YMSC). Jika terdapat sebarang pernyataan boleh hubungi kami di talian 0124211693.

## Hasrat buka Madrasah Tahfiz Al-Quran

Bercerita mengenai impian, Haji Munower yang juga pengasas dan Pengerusi Madrasah Tamil Muslim Teluk Bahang mahu membuka Madrasah Tahfiz Al-Quran suatu hari nanti.

"Kalau boleh sebelum saya 'menutup mata' saya mahu bangunkan sebuah pusat pengajian al-Quran atau madrasah tahfiz.

"Tapak itu merupakan tapak wakaf saya dan adik yang terletak bersebelahan Madrasah Tamil Muslim Teluk Bahang, insyaAllah, doa-doakan supaya hasrat saya dan adik dipermudahkan dan berjalan lancar," katanya.

Madrasah Tamil Muslim Teluk Bahang yang terletak di Jalan Hassan Abas dekat Teluk Bahang merupakan salah satu pusat komuniti yang yang dibangunkan oleh Haji Munower, adik beradik serta dibantu oleh masyarakat di Teluk Bahang yang menyediakan pengajian Al-Quran dan fardu ain kepada komuniti. Malah, ia turut disokong oleh para dermawan yang budiman untuk perbelanjaan bulanan.

Serentak itu, madrasah berkaitan juga menjadi tumpuan bukan sahaja komuniti India Muslim malah yang berbangsa Melayu juga sering turut serta dalam pelbagai aktiviti termasuk program-program kebajikan kepada golongan asnaf dan memerlukan.

"Alhamdulillah, awal tahun 2023, YAB Ketua Menteri telah meluluskan pemberian sumbangan berjumlah RM88,000 bagi kerja-kerja menaik taraf dan baik pulih madrasah tersebut.

"Selain kerja-kerja penukaran bumbung, lain-lain kerja seperti pemasangan jubin, tempat wuduk serta ruang solat yang selesa juga dilaksanakan.

"Saya harap projek ini dapat disempurnakan sebelum bulan Ramadan tahun ini bagi membolehkan komuniti di sekitar kawasan ini menjalani ibadah solat terawih seperti tahun-tahun sebelum ini, tapi dalam suasana lebih selesa, insyaAllah," katanya yang turut turun padang meninjau kerja-kerja naik taraf yang dilakukan di madrasah berkenaan.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.03 PINANG TUNGGAL**<br>YB Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman | (T) 04 - 575 6526<br>(F) 04 - 575 6526 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **N.12 PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028<br>(F) 04 - 530 3028 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>pusatkhidmatn37@gmail.com | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Soon Lip Chee | (T) 04 - 331 0163 |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari | (T) 04 - 890 3866 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin | (T) 04 - 827 8868<br>(F) 04 - 827 8868 |
| **N.28 KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtar@dappg.org | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **N.06 TELOK AYER TAWAR**<br>YB Mustafa Kamal<br>mustafakamal.mkba@gmail.com | (T) 04 - 351 1732 |
| **N.09 BAGAN DALAM**<br>YB Satees A/L Muniandy<br>n9.bagandalam@gmail.com | (T) 04 - 305 4962 |
| **N.11 PERMATANG PASIR**<br>YB Muhammad Faiz Bin Fadzil<br>faizfadzilamanah@gmail.com | (T) 04 - 521 1106 |
| **N.13 BERAPIT**<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 813 3509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| **N.14 MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **N.17 BUKIT TENGAH**<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| **N.18 BUKIT TAMBUN**<br>YB Goh Choon Aik | (T) 04 - 502 5818<br>(F) 04 - 506 2138 |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>jawi@dappg.org | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.20 SUNGAI BAKAP**<br>YB Dr. Amar Pritpal Abdullah<br>ybadunsungaibakapn20@gmail.com | (T) |
| **N.23 AIR PUTIH**<br>YB Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **N.24 KEBUN BUNGA**<br>YB Jason Ong Khan Lee<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **N.25 PULAU TIKUS**<br>YB Lee Chun Kit<br>pulautikuskadun@gmail.com | (T) 04 - 228 5298<br>016 - 691 2548<br>016 - 415 2548 |
